

Headline	Tangani bahan beracun di Sungai Geting		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Sep 2015	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	24	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	166 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,163
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,489



UM komited jalankan ujian sampel

Tangani bahan beracun di Sungai Geting

Oleh **SYAZWAN YUSOF**
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 7 SEPT.

UNIVERSITI Malaya (UM) menerusi kumpulan penyelidik Stesen Penyelidikan Marin Bachok, Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES) komited menjalankan ujian terhadap sampel lapangan di Sungai Geting, Tumpat bagi menangani kewujudan bahan beracun, Plankton Alexandrium Minutum.

UM menerusi satu kenyataan berkata, pihaknya telah membuat analisis makmal terhadap sampel bahan beracun itu dan air di Sungai Geting sebanyak empat kali pada hari berbeza sejak 30 Ogos lalu dan mendapati keputusan yang dicatat adalah positif.

“Penemuan Plankton Alexandrium

Minutum di Sungai Geting telah pun dimaklumkan kepada Jabatan Perikanan Kelantan dan Jabatan Perikanan.

“Felo Penyelidik IOES, Dr. Leaw Chui Pin juga telah membentangkan hasil penemuan ini dalam satu mesyuarat yang turut dihadiri oleh wakil agensi berkaitan seperti pegawai perikanan daerah, wakil Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Kesihatan Kelantan,” kata kenyataan itu di sini hari ini.

Jabatan Kesihatan Kelantan semalam memberitahu mereka belum menerima sebarang laporan rasmi mengenai penemuan hasil kajian IOES berkaitan kandungan air Sungai Geting, Tumpat yang mengandungi Plankton Alexandrium Minutum.

Pengarahnya, Datuk Dr. Ahmad Razin Ahmad Mahir walau bagaimanapun menasihatkan masyarakat su-

paya lebih peka dengan pengambilan makanan laut yang berkaitan bagi mengelak sebarang penyakit.

Dalam pada itu, kenyataan itu memberitahu, penemuan Plankton Alexandrium Minutum di kawasan itu merupakan sebahagian daripada kajian lapangan bagi projek penyelidikan kejadian ledakan alga di beberapa kawasan akuakultur terpilih di kawasan pantai timur.

“Projek penyelidikan selama tiga tahun sehingga Disember ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

“Antara pencapaian projek ini adalah kejayaan mendedahkan dan mengesahkan spesies yang bertanggungjawab terhadap kematian ikan dalam kuantiti yang banyak di Selat Johor pada Februari tahun lalu dan 2015,” kata kenyataan itu.